

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N/NS.(349) 600/4-1 Klt.4 (3)
Tarikh : Syaaban 1442
Mac 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato'/ YBhg Dato'/Tuan/Puan,

**PEMATUHAN KEPADA PEKELILING PEJABAT KEWANGAN NEGERI DAN
PEKELILING PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YB Dato'/ YBhg Dato'/Tuan/Puan sedia maklum Pejabat ini telah pun mengeluarkan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Sembilan Bilangan 1 Tahun 2021 – Garis Panduan Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan Tahun 2021 kepada semua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri melalui surat rujukan P.Kw.N/NS.(349)600/4-1 Klt 4 (2) bertarikh 25 Januari 2021 yang lalu.

3. Melalui pemerhatian Pentadbiran ini, didapati terdapat ketidakakuran terhadap Pekeliling dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa di beberapa Jabatan. Antara contoh yang paling ketara adalah berkenaan dengan penganjuran majlis/keraian rasmi / mesyuarat / taklimat / bengkel / kursus /latihan yang melebihi kadar dan tidak mengikut kelayakan pegawai / peserta yang terlibat selaras dengan pekeling- pekeling berikut:

- i. Pejabat Kewangan Negeri Sembilan Bilangan 3 Tahun 2019 – Garis Panduan Perbelanjaan Makanan Dan Minuman Bagi Keraian Rasmi Mesyuarat Dan Latihan Anjuran Jabatan;
- ii. Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi;
- iii. Pekeliling Perbendaharaan WP1.10 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan; dan
- iv. Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan.

Fail Kami : P.Kw.N/NS.(349) 600/4-1 Klt.4 (3)

4. Selain daripada itu, YB Dato'/ YBhg Dato'/Tuan/Puan juga adalah dipohon untuk memberikan keutamaan penganjuran program di premis-premis kerajaan ataupun hotel milik GLC negeri. Ini bertujuan untuk membantu proses pemulihan aliran tunai hotel-hotel GLC negeri yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19.

5. Sehubungan itu, semua Pegawai Pengawal adalah diingatkan untuk sentiasa memastikan agar setiap peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 10, AP11, AP 12 dan AP57. Kerjasama YB Dato'/ YBhg Dato'/Tuan/Puan terhadap perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH.MUAFAKAT.SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(YB DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)

Pegawai Kewangan Negeri

Negeri Sembilan Darul Khusus